

# TERMA RUJUKAN

INSENTIF PENERBITAN ARTIKEL JURNAL BERINDEKS  
SCOPUS/WOS KEPADA PELAJAR



## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

**1.1** Insentif penerbitan artikel jurnal berindeks Scopus/WOS adalah terbuka kepada pelajar program Sarjana Mod Penyelidikan dan Kedoktoran yang berstatus aktif bermula ambilan Oktober 2023. Bagi pelajar kemasukan sebelum Oktober 2023 masih mengguna pakai terma rujukan sebelum ini iaitu RM300.00 per artikel mengikut peruntukan tahun semasa.

Tempoh pengajian adalah seperti berikut:

PROGRAM	SEPUHU MASA	SEPARUH MASA
Sarjana Mod Penyelidikan	4 Semester (min) 6 Semester (max)	6 Semester (min) 10 Semester (max)
Doktor Falsafah	6 Semester (min) 10 Semester (max)	8 Semester (min) 14 Semester (max)
Doktor Psikologi	6 Semester (min) 8 Semester (max)	8 Semester (min) 12 Semester (max)
Doktor Pendidikan	6 Semester (min) 10 Semester (max)	8 Semester (min) 14 Semester (max)

**1.2** Setiap penerbitan mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:

- Pelajar yang memohon merupakan penulis pertama.
- Penyelia utama pelajar sebagai *corresponding author*.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris' atau 'Sultan Idris Education University' (nama rasmi) sebagai afiliasi pertama.

**1.3** Kadar yang diperlukan untuk penerbitan artikel jurnal berindeks Scopus/WOS adalah mengikut kategori berikut:

- i. Kategori jurnal Q1 & Q2 - RM1,000.00
- ii. Kategori jurnal Q3 & Q4 - RM500.00
- iii. Kategori jurnal Scopus - RM300.00

**1.4** Jumlah maksimum insentif yang boleh dituntut oleh setiap pelajar adalah sebanyak RM3,000.00 sahaja sepanjang tempoh minimum pengajian dan bayaran adalah mengikut kategori *Journal Citation Report (JCR)* untuk bidang Sains Teknologi dan *Scimago Journal Rank* untuk bidang Sains Sosial.

**1.5** Pelajar hendaklah memastikan bahawa jurnal yang hendak diterbitkan masih aktif berstatus SCOPUS/WOS dan manuskrip tersebut telah diterima (*accepted*) oleh pihak penerbit jurnal. Jurnal Kuartil mesti mengikut *Journal Citation Report (JCR)/Scimago Journal Rank* dan pengesahan akan dibuat melalui pihak Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

**1.6** Pelajar digalakkan untuk merujuk penerbitan terkini (5 tahun ke belakang) dan membuat petikan (*citation*) daripada penyelidik UPSI, kolaborasi industri/agensi/antarabangsa namun perlu berkaitan dengan manuskrip yang akan diterbitkan.

**1.7** Jurnal-jurnal bersifat pemangsa (*predatory journal*) adalah tidak diterima.

**1.8** Pihak Kementerian **tidak membenarkan** Universiti Awam menggunakan peruntukan dana Kerajaan **untuk sebarang penerbitan** yang diterbitkan oleh tiga (3) penerbit iaitu **Hindawi, Frontier, MDPI** dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

